



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami :

Tarikh :

JK/MP 16/2

29 Mac 2012

Semua Hakim
Mahkamah Sesyen
SELURUH MALAYSIA

Semua Timbalan Pendaftar / Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi
SELURUH MALAYSIA

Semua Majistret
Mahkamah Majistret
SELURUH MALAYSIA

Semua Pendaftar Mahkamah Rendah
Mahkamah Sesyen dan Majistret
SELURUH MALAYSIA

YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan,

PELAKSANAAN YAYASAN BANTUAN GUAMAN KEBANGSAAN (YBGK)

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) telah diperbadankan pada 25 Januari 2011 sebagai sebuah syarikat khairat (charitable company) di bawah Akta Syarikat 1965 (Akta 125). Ia merupakan antara usaha pihak Kerajaan untuk mengimarahkan kehidupan rakyat di negara ini. Usaha ini adalah sejajar dengan objektif penubuhan YBGK iaitu untuk menyediakan akses keadilan kepada semua warganegara Malaysia yang dituduh di mahkamah atas kesalahan jenayah.

3. Sehubungan dengan itu, adalah di maklumkan bahawa YBGK akan mula beroperasi pada 2 April 2012 (Isnin). Khidmat YBGK akan diberikan kepada suspek atau orang kena tuduh di mahkamah dari mula suspek ditangkap, reman dan dibicarakan di mahkamah.


...2/-

4. Oleh yang demikian, YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah dipohon untuk memastikan garis panduan semasa melakukan proses reman adalah dipatuhi (**Garis panduan reman adalah seperti di Lampiran. Arahan Amalan berkaitan YBGK akan dikeluarkan kemudian**). Khidmat YBGK juga diberikan semasa pertuduhan dibuat di mahkamah. YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah dipohon untuk memaklumkan kepada orang kena tuduh berkenaan khidmat YBGK ini sekiranya OKT tidak diwakili oleh peguam. Kerjasama YBhg. Dato' / Datin / Tuan / Puan dalam perkara ini amatlah saya hargai dan saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' HASHIM BIN HAMZAH)
Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
PUTRAJAYA

+603 8880 3782
+603 8880 3886
cr@kehakiman.gov.my

- s.k
1. YAA Ketua Hakim Negara
 2. YAA Presiden Mahkamah Rayuan Malaysia
 3. YAA Hakim Besar Malaya
 4. YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
 5. Timbalan Ketua Pendaftar
 6. Pendaftar Mahkamah Rayuan
 7. Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya
 8. Pengarah Mahkamah Negeri

YAYASAN BANTUAN GUAMAN KEBANGSAAN

GARIS PANDUAN BAGI MAJISTRET BERKAITAN DENGAN REMAN

A. PENGENALAN

Penubuhan Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) ini adalah antara usaha Kerajaan bagi memastikan golongan yang kurang berkemampuan yang dituduh di mahkamah atas kesalahan jenayah untuk mendapat pembelaan yang sewajarnya apabila mereka diwakili oleh peguam.

B. ASAS UNDANG-UNDANG

Tujuan penubuhan YBGK adalah untuk memberi bantuan dan nasihat guaman dalam kes jenayah kepada golongan yang kurang berkemampuan supaya mendapat akses kepada keadilan dengan sewajarnya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Fasal (3) Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:

“(3) Jika seseorang ditangkap maka dia hendaklah diberitahu dengan seberapa segera yang boleh alasan-alasan dia ditangkap dan dia hendaklah dibenarkan berunding dengan dan dibela oleh seseorang pengamal undang-undang pilihannya”.

Bantuan guaman dalam kes jenayah juga penting bagi memastikan semua pihak mendapat hak kesamarataan di sisi undang-undang sebagaimana yang termaktub dalam Fasal (1) Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi:

“(1) Semua orang adalah sama rata di sisi undang-undang dan berhak untuk mendapat perlindungan yang sama rata di sisi undang-undang”.

Undang-undang berkaitan dengan hak orang yang ditangkap ada diperuntukkan di bawah seksyen 28A Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) manakala prosedur berkaitan dengan reman adalah di bawah seksyen 117 KTJ.

C. OBJEKTIF GARIS PANDUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk diguna pakai bagi memastikan Majistret memaklumkan kepada suspek haknya untuk mendapatkan khidmat peguam YBGK apabila melakukan reman yang melibatkan suspek warganegara Malaysia.

D. GARIS PANDUAN REMAN

- (1) Semasa mengendalikan proses reman, Majistret hendaklah memastikan bahawa seseorang suspek itu diwakili oleh peguam sama ada peguam sendiri atau peguam YBGK. Jika suspek tidak diwakili peguam, Majistret hendaklah mengarahkan Pegawai Penyiasat untuk menghubungi YBGK bagi mendapatkan khidmat peguam YBGK kepada suspek tersebut.
- (2) Jika suspek tidak mempunyai peguam sendiri dan enggan menggunakan khidmat peguam YBGK, mahkamah boleh meneruskan prosiding reman tanpa peguam.

E. PEMAKAIAN

- (1) Garis panduan reman ini juga terpakai kepada permohonan perlanjutan tempoh masa reman yang dibuat oleh Pegawai Penyiasat.
- (2) Garis panduan ini tidak terpakai kepada kes-kes melibatkan undang-undang pencegahan, penculikan dan melarikan orang.